



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“JOM SIMPAN BERSAMA PTPTN”

(TABUNG PENDIDIKAN)

1. Fungsi PTPTN bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai institusi penabungan pendidikan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Usaha proaktif PTPTN dalam mentransformasikan minda masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan pendidikan merupakan suatu tindakan yang amat baik dan murni dan perlu disambut oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.
2. Dalam konteks ini, PTPTN tidak seharusnya dilihat sebagai pemberi pinjaman dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia, sebagaimana Lembaga Tabung Haji dilihat untuk mengerjakan haji dan KWSP dilihat untuk simpanan apabila telah bersara. Maka, sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda.
3. Menabung sekarang untuk pendidikan masa akan datang adalah merupakan satu tindakan yang amat bijak berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman. Dengan penabungan sedari awal, graduan pada masa hadapan akan hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum.

(PELAN SIMPANAN TERBAIK SSPN-i PLUS)

4. Kewujudan SSPN-i Plus sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia.

5. Rakyat Malaysia yang beragama Islam juga tidak perlu kluatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah**, selain simpanannya yang **dijamin oleh Kerajaan**.
6. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif**. Sekiranya ibu bapa menyimpan di dalam produk simpanan pendidikan SSPN-i Plus ini, mereka **tidak perlu risau sekiranya berlaku perkara yang tidak diinginkan**. Ini kerana simpanan **SSPN-i Plus memberikan perlindungan takaful daripada RM40,000 sehingga RM1Juta** bagi setiap anak.
7. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Dividen yang diberikan pada tahun **2016 adalah sebanyak 4%**.
8. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM12,000 setahun**. Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. **Kesemua manfaat ini, jika dikira memberi pulangan sehingga 28% kepada pendeposit**.
9. **Sehingga 30 September 2017**, terdapat sebanyak **3.10 juta akaun** dibuka dengan jumlah deposit simpanan sebanyak **RM2.94 bilion**. Ibu bapa yang belum mempunyai perancangan kewangan pendidikan perlu memulakan langkah penabungan pada hari ini. Manakala, yang telah mempunyai penabungan meneruskan usaha penabungan secara konsisten.
10. Masyarakat perlu merebut peluang yang ada dengan membuka atau menambah simpanan di dalam akaun **SSPN-i Plus** kerana ia merupakan pilihan **penabungan pendidikan yang terbaik**. Kemudahan dan peluang telah disediakan semuanya oleh Kerajaan. **Apa yang perlu dilakukan oleh ibu bapa adalah jangan berlengah lagi. Ayuh! Mulakan penabungan melalui SSPN-i Plus**. Percayalah bahawa kecemerlangan pendidikan masa depan anak-anak kita semua adalah

terletak di tangan kita sendiri, para **ibu bapa yang mencorakkan dan merancang untuk masa depan mereka.**

(SUMBANGAN PENDIDIKAN SSPN)

11. Pada hari ini, **seramai 100 pelajar Tahun 1 dari 8 buah sekolah bantuan penuh kerajaan di Parlimen Cheras sangat bertuah kerana menerima sumbangan deposit akaun SSPN-i yang berjumlah RM5,000.** Setiap pelajar akan menerima **sumbangan RM50 daripada Perfect Treats Sdn Bhd dan RM50 tambahan percuma** akan diberikan oleh Kerajaan melalui PTPTN sebagai Insentif Khas Geran Sepadan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.
12. **Badan-badan korporat, agensi-agensi kerajaan dan swasta yang lain turut digalakkan dalam memberikan sumbangan pendidikan berupa pembukaan atau penambahan akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus.** Dengan sokongan daripada semua pihak akhirnya mampu melahirkan generasi yang bebas dari bebanan hutang kerana mempunyai perancangan simpanan pendidikan yang tersusun melalui produk SSPN-i/ SSPN-i Plus ini.

(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN PERCUMA RM50)

13. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** yang kita sayangi, semasa pembentangan **Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016** yang lalu telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.
14. Ini bermakna **bermula 1 Januari 2017** mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan iaitu simpanan percuma bernilai RM50. Untuk itu, **peruntukan sebanyak RM25juta telah disediakan** untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak.

15. Ibu bapa perlu memainkan peranan bagi memastikan masa depan pendidikan anak-anak lebih terjamin dengan memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional sebagai penabungan untuk anak-anak.

(CABUTAN WOW! 20 TAHUN PTPTN)

16. Bagi menggalakkan lebih ramai masyarakat menyimpan, PTPTN turut menyediakan cabutan hadiah kepada pendeposit yang membuka atau menambah di dalam akaun SSPN-i Plus melalui Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN. Lebih 2,500 hadiah bernilai RM500,000 telah disediakan untuk pendeposit.
17. Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN ini merangkumi Cabutan Bulanan dan Cabutan Istimewa yang diadakan sempena ulangtahun ke-20 penubuhan PTPTN iaitu bermula pada tahun 1997 hingga 2017. Ia juga sebagai tanda penghargaan dan dorongan serta galakan kepada masyarakat Malaysia.
18. Dengan hadiah yang cukup menarik disediakan oleh PTPTN sebagai tambahan kepada keistimewaan-keistimewaan lain yang telah diberikan, semua lapisan masyarakat perlu merebut peluang dengan membuka akaun atau menambah simpanan di dalam SSPN-i Plus. Melalui cabutan ini, pendeposit SSPN-i Plus layak memenangi hadiah utama Cabutan Istimewa sebanyak RM100,000 (telah tamat 31 Oktober 2017) serta hadiah utama Cabutan Bulanan sebanyak RM10,000 pada setiap bulan. Jangan tunggu lagi kerana Cabutan Bulanan hanya tinggal dua (2) bulan sahaja lagi iaitu akan tamat pada 31 Disember 2017. Ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 pada tahun ini dan membuka akaun atau membuat tambahan simpanan sama ada di dalam akaun SSPN-i atau SSPN-i Plus sebanyak RM50 akan berpeluang memenangi hadiah RM10,000 pada setiap bulan yang akan tamat Disember ini.
19. Orang ramai boleh membuka akaun SSPN-i Plus pada bila-bila masa dengan mudah hanya diujung jari secara *online* melalui www.lovespnp.com.

(INSENTIF BAJET 2018)

20. Kepentingan dalam pendidikan ini dapat dilihat dengan jelas apabila peruntukan terhadap perbelanjaan dalam bidang pendidikan khususnya yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet 2018 mencatatkan jumlah yang tinggi bertujuan menghasilkan modal insan yang berguna pada masa hadapan. Kerajaan Malaysia tidak pernah meminggirkan soal pendidikan kepada masyarakat malah menjadikan ianya sebagai salah satu agenda utama negara.
21. Kerajaan begitu komited dalam membudayakan sikap menabung ini kepada masyarakat terutamanya kepada anak-anak kita. Ini terbukti dimana Kerajaan telah meneruskan Insentif Khas Geran Sepadan ini untuk tahun hadapan seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dalam Pembentangan Bajet 2018 baru-baru ini. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM250 juta kepada 500,000 kanak-kanak berumur 7 tahun hingga 12 tahun yang menabung dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional. Simpanan berjumlah RM500 akan dimasukkan secara percuma sekiranya jumlah simpanan yang dibuat pada tahun 2018 telah mencapai sekurang-kurangnya RM500.
22. **Insentif geran sepadan untuk deposit SSPN-i pula merupakan satu anugerah kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak dalam memulakan dan meneruskan perancangan kewangan pendidikan. Dengan penabungan seawal usia anak-anak oleh ibu bapa, graduan akan datang hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum dan akhirnya tidak membebankan mereka. Simpanan pendidikan yang berterusan melalui SSPN-i/ SSPN-i Plus akan memberikan peluang yang cerah untuk anak-anak melanjutnya pelajaran tanpa menghadapi kekangan dari aspek kewangan.**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

4 November 2017